



Ruj. Kami : SMKTTDI.100-9/2/19 ()

Tarikh : 6 JANUARI 2020

Kepada Semua Ibu Bapa / Penjaga
Murid Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5
Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) 2020

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penambahbaikan terhadap Sistem Pentaksiran Kebangsaan melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mulai tahun 2012.

3. PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah, dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). PBS merupakan satu pendekatan pentaksiran yang bersifat holistik yang menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

4. Komponen PBS terdiri daripada :

AKADEMIK	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (Bermula dari Tingkatan 1 hingga 5)
	Pentaksiran Pusat (PP) (Tingkatan 3)
BUKAN AKADEMIK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan SEGAK (Bermula dari Tingkatan 1-5)
	Pentaksiran Psikometrik (PPSI) (Tingkatan 1 -5)

5. Dengan pelaksanaan PBS, pentaksiran prestasi seorang murid dilaksanakan mengikut panduan berasaskan band/ tahap penguasaan yang akan menyatakan apa yang murid tahu, faham dan boleh buat. Berikut adalah kerangka Standard Prestasi yang digunakan dalam Pentaksiran Sekolah:

BAND	STANDARD
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
2	Tahu dan Faham
1	Tahu

6. Sehubungan dengan itu, kehadiran murid ke sekolah amat penting agar proses pentaksiran ini dapat dijalankan dengan lancar semasa pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan kehadiran dan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dan ekstrakurikulum akan dapat memberi nilai tambah dalam pencapaian prestasi murid. Pencapaian akhir anak tuan/puan dalam menguasai Tahap Penguasaan 1 hingga 6 akan dapat dikehakui pada akhir tahun iaitu pada bulan November 2020.

7. Kerjasama dan komitmen tuan/puan amatlah diharapkan bagi membantu pihak sekolah menjayakan PBS dengan sentiasa memberi dorongan dan memantau kehadiran dan perkembangan pelajaran anak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(SITI NORA BINTI ALI)

Pengetua

SMK Taman Tun Dr Ismail

Kuala Lumpur